

05 DEC 1998

Pesawat-Pasang (bergambar)

KRUL SEDIA MEMBEKAL PESAWAT MERLIN-GT

LANGKAWI, 5 Dis (Bernama) -- Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) mencatat sejarah kerana berjaya membina sebuah pesawat ringan jenis Merlin-GT Amfibia daripada komponen yang dihadiahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 1995).

Dr Mahathir yang merasmikan Karnival Udara Langkawi (LAC 1998) di sini hari ini turut menyaksikan pesawat itu yang dipamerkan kepada orang ramai.

Pemasangan komponen itu dilakukan oleh jurulatih KRUL Kapt Zainol Taib yang telah mengikuti latihan di kilang pesawat berkenaan di Florida di Amerika Syarikat.

Zainol memberitahu pemberita beliau yang dibantu oleh kakitangan MOFAZ mengambil masa kira-kira lima bulan untuk menyiapkan pesawat sulung itu dengan kos kira-kira RM70,000. Mofaz turut memberi kemudahan hangar secara pecuma.

Katanya komponen itu tidak dapat dipasang lebih awal kerana masalah kewangan dan sukar mendapat peralatan. Bagaimanapun, usaha bersungguh-sungguh dibuat untuk membina pesawat itu sejak lima bulan lepas dengan kos pembelian peralatan dibantu bersama oleh Jabatan Perdana Menteri.

Zainol berkata pada masa ini KRUL menggunakan pesawat dua tempat duduk itu untuk aktiviti rekreasi dan sedang mempromosikan pesawat yang dibina khas itu di sini.

Timbalan presiden KRUL, Mansor Haji Ismail, berkata KRUL bersedia membekal pesawat ringan jenis Merlin-GT Amfibia sekiranya ada pihak berminat membelinya untuk tujuan rekreasi.

Sementara itu pertunjukan udara oleh 18 pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) adalah antara yang menarik perhatian Perdana Menteri dan penonton.

Pesawat MiG 29, F18 dan F5E mengadakan pertunjukan melintasi khemah kenamaan. Selain itu pertunjukan payung terjun oleh 18 penerjun termasuk empat peserta ekspedisi Kutub Utara, manakala yang lain ialah dari TUDM, Tentera Laut, Polis Diraja Malaysia dan Kelab Terjun Wilayah Persekutuan turut menarik perhatian orang ramai.

Kira-kira 76 pesawat ringan dari Kelab-kelab penerbangan di seluruh negara dan luar negeri termasuk enam dari Singapura dan Thailand menyertai LAC 1998, anjuran KRUL dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia.

Red Creative Sdn Bhd menganjurkan acara-acara sampingan seperti pertandingan melipat dan membaling kapalterbang kertas, sepak takraw terbuka Langkawi, bola sepak jalanan dan bola tampar jalanan.

-- BERNAMA

ZI WAT